



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PELAKSANAAN PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN AKIBAT BENCANA BANJIR

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang bersetuju untuk memberikan penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN kepada peminjam yang terkesan akibat bencana banjir yang melanda negara.
2. PTPTN sebagai agensi di bawah KPT komited memastikan agar urusan berkenaan penangguhan bayaran balik pinjaman ini dapat dilaksanakan dengan baik demi kebajikan peminjam. Bagi memudahkan urusan peminjam PTPTN, pelaksanaan penangguhan bayaran balik ini adalah seperti berikut:
 - a) Peminjam boleh mengemukakan permohonan mulai **28 Disember 2021 sehingga 31 Mac 2022 melalui portal rasmi PTPTN** di (www.ptptn.gov.my/PenangguhanBayaranBalikBanjir) **atau hadir ke mana-mana Cawangan PTPTN yang berhampiran**. Tiada sebarang dokumen sokongan diperlukan semasa permohonan.
 - b) Penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN akibat bencana banjir ini akan diberikan untuk **tempoh tiga (3) bulan bermula pada bulan yang sama kelulusan permohonan** diberikan PTPTN dan dua (2) bulan ke hadapan di antara Disember 2021 hingga Mei 2022.
 - c) Kelulusan penangguhan akan **dimaklumkan kepada peminjam melalui e-mel** dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh peminjam mengemukakan permohonan. Untuk itu, peminjam adalah diingatkan agar mengemaskini maklumat perhubungan yang tepat dan terkini bagi memastikan maklumat kelulusan permohonan penangguhan tersebut dapat disampaikan kepada mereka.
3. Pelbagai usaha dilaksanakan oleh PTPTN untuk membantu dan meringankan musibah yang dihadapi peminjam di kala bencana ini. Permohonan secara dalam talian (*online*) bagi penangguhan bayaran balik pinjaman ini juga merupakan antara keprihatinan PTPTN untuk memudahkan urusan para peminjam kerana permohonan dapat dibuat hanya di hujung jari dengan lebih mudah, cepat dan selamat di mana sahaja mereka

berada. Selain itu, peminjam juga diberikan pilihan sekiranya ingin membuat permohonan melalui mana-mana kaunter Pejabat PTPTN yang berhampiran mengikut keselesaan peminjam.

4. Usaha Kerajaan dalam memelihara kebajikan rakyat amnya dan peminjam PTPTN khususnya jelas membuktikan keprihatinan Kerajaan kepada golongan yang terjejas bagi memastikan kelangsungan hidup rakyat. Semoga inisiatif ini dapat membantu meringankan musibah yang dihadapi peminjam PTPTN yang terjejas akibat bencana banjir.

5. Untuk sebarang pertanyaan, peminjam boleh melayari portal rasmi PTPTN melalui www.ptptn.gov.my di ruangan Soalan Lazim atau menghubungi PTPTN melalui saluran berikut:

- *Careline* PTPTN di 03 - 2193 3000
(Beroperasi Isnin hingga Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang)
- *Live Chat* di www.ptptn.gov.my
- e-Aduan di <https://eaduan.ptptn.gov.my/>
- Eksekutif Pemasaran PTPTN di <https://www.ptptn.gov.my/hubungi-ptptn>
- Media Sosial Rasmi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional